

URI BAYI DAN AMALAN KHURAFAT SELEPAS BERSALIN DALAM KALANGAN MASYARAKAT MELAYU MELAKA

BABY URI AND SUPERSTITION PRACTICES AFTER CHILDBIRTH AMONG THE MALAY COMMUNITY OF MELAKA

Rahmat Abdullah¹

1 Kolej Komuniti Kuala Langat (KKKL), rahmatabdullah.eme@gmail.com.

Artikel diterima: 22 Sept 2023

| Selepas Pembetulan: 10 Nov 2023

| Diterima untuk terbit: 14 Nov 2023

Abstrak

Amalan khurafat perlulah dijauhan bagi seseorang yang memeluk agama Islam. Terdapat sebahagian masyarakat Melayu Melaka beranggapan bahawa ianya adalah petua yang perlu diikuti. Kertas ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan-amalan khurafat berkaitan uri bayi (tembuni/ plasenta) yang masih dilakukan dalam kalangan masyarakat Melayu di negeri Melaka. Pada masa yang sama, ianya juga akan menilai tahap kefahaman wanita bersalin tentang amalan khurafat terhadap uri bayi. Responden adalah terdiri daripada wanita Melayu yang tinggal di sebuah kampung di Melaka Tengah. Kajian ini melibatkan responden seramai 45 orang wanita yang pernah berkahwin, hamil dan bersalin. Analisis data menggunakan kaedah peratusan melalui perisian Microsoft Excel dengan mengajukan soal selidik amalan khurafat berkaitan uri samaada pernah melakukan atau tidak pernah melakukan kepada wanita yang pernah melalui proses hamil dan bersalin. Dapatan mendapati bahawa amalan membasuh uri dengan limau nipis, garam kasar, asam keping dan asam jawa beserta jampi dalam kalangan responden menunjukkan peratusan maksimum (100%) manakala amalan menanam uri bayi perempuan dibahagian berhampiran dapur rumah bertujuan supaya bayi akan pandai memasak kelak menunjukkan peratusan yang terendah iaitu sebanyak 36%. Kefahaman ibu bersalin tentang amalan khurafat berkaitan uri bayi berada pada tahap sederhana.

Kata kunci

Uri Bayi, Amalan Khurafat, Wanita Bersalin, Masyarakat Melayu Melaka

Abstract

Superstitious practices must be avoided for someone who embraces Islam. There is a part of the Malacca Malay community who thinks that it is a tip that needs to be followed. This paper aims to identify the superstitious practices related to the baby's uterus (placenta) that are still practiced among the Malay community in the state of Malacca. At the same time, it will also assess the level of understanding of women giving birth about superstitious practices against the fetus. The respondents are Malay women who live in a village in Central Melaka. This study involved a total of 45 female respondents who were married, pregnant and gave birth. Data analysis using the percentage method through Microsoft Excel software by submitting a questionnaire on superstitious practices related to fertility whether ever performed or never performed to women who have been through the process of pregnancy and childbirth. Findings found that the practice of washing the testicles with lime, coarse salt, tamarind and tamarind along with spells among the respondents showed the maximum percentage (100%) while the practice of planting the

testicles of female babies near the kitchen of the house aimed at making the baby be good at cooking later showed the highest percentage the lowest which is 36%. Maternity mothers' understanding of superstitious practices related to the baby's womb is at a moderate level.

Keywords

Childbirth, Superstitious Practices, Women Giving Birth, Malacca Malay Community

1.0 Pengenalan

Amalan khurafat berpunca daripada campur aduk fahaman yang salah terhadap sesuatu perkara atau meniru gaya hidup agama lain selain Islam. Perkara ini menjadikan sebahagian masyarakat Melayu mudah mengikut nasihat serta pengalaman orang yang terdahulu yang dipanggil "petua" tanpa diusul periksa. Akhirnya, amalan khurafat menjadi ikutan serta dianggap lebih baik sekiranya diamalkan. Namun, tidak kurang hebatnya akibat yang akan ditanggung sekiranya ditinggalkan. Pelbagai bentuk bala dan ancaman akan bermain difikiran sehingga menyebabkan amalan khurafat dianggap relevan sehingga ke hari ini. Terdapat pelbagai unsur khurafat di dalam segenap sudut kehidupan masyarakat Melayu di Melaka.

Fokus pengkaji pada kali ini adalah berkaitan amalan khurafat terhadap uri bayi yang sering kali dilakukan dalam masyarakat Melayu Melaka. Ianya seolah-olah ingin menggambarkan bahawa pantang larang atau petua yang dilakukan terhadap uri bayi adalah satu perkara yang normal serta tidak boleh dipertikaikan kerana ajaran yang datang daripada warisan nenek moyang perlulah diperturunkan dan diikuti supaya kehidupan "orang baharu" yang hadir ke dunia selamat sehingga ke akhirnya tanpa ada sebarang gangguan daripada unsur alam semulajadi dan alam ghaib.

2.0 Sorotan Literatur

Sesetengah masyarakat Melayu beranggapan bahawa uri bayi/ plasenta adalah abang/ kakak kepada bayi yang telah dilahirkan. Menurut artikel jurnal (Damit & Mokhtar, 2018) yang bertajuk (Norma Dan Adat Kelahiran Masyarakat Kedayan Di Sipitang, Sabah) membahaskan bahawa tembuni bayi adalah abang atau kakak yang telah berkorban untuk melahirkan adiknya. Justeru itu, penghormatan perlulah diberikan kepada uri bayi kerana telah "menjaga" bayi sejak dari dalam kandungan sehingga kelahiran.

Perbuatan membasuh uri dengan dengan limau nipis, garam kasar, asam keping dan asam jawa beserta jampi telah direkodkan di dalam artikel yang telah ditulis oleh (Ramli, Kamaruddin & Abdul Wahab, 2019) yang bertajuk (Amalan Pengurusan Uri Pasca Kelahiran Dalam Masyarakat Melayu Menurut Perspektif Hukum Islam). Kajian yang dijalankan ini adalah di dalam bentuk kualitatif dan proses pengumpulan data adalah hasil temu bual dengan bidan kampung yang berpengalaman di dalam menyambut kelahiran bayi. Dapatan kajian telah merumuskan bahawa terdapat dua unsur utama di dalam pengurusan uri bayi samaada dalam bentuk kepercayaan tertentu yang boleh membawa kepada hukum haram di dalam Islam dan yang tidak melibatkan sebarang bentuk kepercayaan menjadikan hukumnya hanya sekadar harus sahaja.

Menurut kajian (Mahfudz & Porodong, 2017) yang bertajuk (Ritual-Ritual Kelahiran Etnik Banjar di Tawau, Sabah) membahaskan tentang uri bayi yang telah siap dicuci akan dibungkus dengan kain putih. Kajian yang dijalankan dalam bentuk kualitatif ini telah menemu bual ketua kampung, bidan kampung dan juga peramal perubatan

tradisional yang mahir dalam menguruskan kelahiran bayi. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat unsur keagamaan di dalam adat yang diamalkan. Pengarang berpendapat bahawa selagi mana tidak bercanggah dengan praktis Islam ianya dibenarkan dan begitulah sebaliknya.

Menurut kajian (Kamaruddin, Noor & Ramli, 2017) yang bertajuk (Amalan Lotus Birth Menurut Perspektif Hukum Islam) membahaskan tentang uri di tanam dengan paku, pensel dan buku adalah satu daripada kepercayaan karut dan tahyul dalam kalangan masyarakat Melayu. Bahkan, paku dijadikan simbolik supaya uri tidak dimakan ulat di dalam tanah. Kajian dijalankan di dalam bentuk kualitatif. Hasil kajian mendapati bahawa perbuatan ini membawa kepada syirik dan tidak terdapat manfaat di dalamnya kerana meniru perbuatan daripada budaya dan agama lain selain Islam.

Begitu juga dengan kajian yang telah dijalankan oleh (Sintang, 2005) yang bertajuk (Adat Masyarakat Bugis Di Daerah Tawau, Sabah). Kajian yang dijalankan di dalam bentuk kualitatif ini menemukan kepercayaan dan amalan menanam uri bayi dengan kain kuning, lada hitam, paku, pen, buku, pensel dan sebagainya supaya bayi kelak pandai belajar. Kesimpulan kajian mendapati bahawa adat masyarakat Bugis perlulah dipertahankan supaya tidak mendatangkan bencana dan malapetaka di dalam kehidupan sekiranya tidak diamalkan manakala adat yang bercanggah dengan pegangan agama Islam perlulah dihindari.

Kemudian, uri yang telah dibungkus akan dimasukkan ke dalam tempurung kelapa, tembikar atau bekas serta ditanam bersekali dengan uri bayi dengan tujuan untuk mengelakkan gangguan makhluk halus menurut kajian yang telah dijalankan oleh (Mustapa, 2022) yang bertajuk (Perubahan Masyarakat Melayu: Suatu Studi Antropologis Tentang Pola Perawatan Ibu Dan Masa Hamil Dan Pasca Melahirkan). Kajian yang dijalankan dalam bentuk kualitatif ini menerangkan bahawa segala bentuk perbuatan dan percakapan terhadap uri perlulah yang baik-baik sahaja bermula daripada ianya (uri bayi) dipisahkan daripada bayi sehinggalah di tanam. Pengarang beranggapan bahawa adat yang diamalkan akan mencorakkan masa depan bayi di masa akan datang. Lebih jauh dari itu, terdapat juga amalan masyarakat Melayu Melaka yang menanam uri bayi lelaki dianjung rumah dengan kepercayaan bahawa anak itu kelak akan kerap pulang ke rumah manakalan uri bayi perempuan ditanam dibelakang rumah dengan tujuan anak itu kelak pandai memasak. Kajian dalam bentuk kualitatif yang telah dijalankan oleh (Yunos, 2015) bertajuk (Petua Dan Tanda Sebagai Alat Komunikasi Dalam Budaya Masyarakat Jawa) membahaskan bahawa tempat penanaman uri bayi menjadi semangat kepada bayi yang telah dilahirkan. Petua yang telah diwarisi ini akan menjadi pedoman kepada generasi muda supaya mengamalkannya. Hasil kajian menunjukkan bahawa setiap petua yang diperturunkan menjadi panduan di dalam hidup generasi baharu serta secara tidak langsung hubungan manusia dengan alam itu diperkuat dengan pelbagai kepercayaan masyarakat Jawa.

3.0 Objektif Kajian

3.1 Mengenal pasti amalan-amalan khurafat berkaitan uri bayi yang masih diamalkan oleh wanita selepas bersalin dalam kalangan masyarakat Melayu di sebuah kampung di Melaka Tengah, Melaka.

3.2 Mengenal pasti tahap kefahaman ibu selepas bersalin mengenai amalan khurafat berkaitan uri bayi dalam kalangan masyarakat Melayu Melaka Tengah, Melaka.

4.0 Metodologi Kajian

Kajian dijalankan oleh pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif. Ini kerana data berbentuk peratusan dan angka lebih mudah untuk dinilai dan ditafsirkan. Pengkaji memberikan soal selidik berkaitan uri bayi dalam bentuk pilihan sama ada pernah melakukan atau tidak pernah melakukan kepada 45 orang responden yang terdiri daripada wanita yang pernah bersalin di dalam sebuah kampung di Melaka Tengah, Melaka. Pengkaji datang dari rumah ke rumah untuk mendapatkan jawapan yang tuntas daripada responden. Ianya bertujuan untuk mengumpulkan data yang paling tepat berkaitan jumlah sebenar responden dan merungkai hasil dapatan yang menarik untuk diperbincangkan melalui pengalaman pengkaji sendiri.

Pengkaji juga menggunakan kaedah nisbah untuk mencapai objektif kajian kedua bagi mengukur tahap kefahaman responden berkaitan uri bayi dalam kalangan wanita bersalin. Ini bertujuan untuk menilai jurang yang diperoleh bagi menisbahkan tahap kefahaman responden sama ada berada pada tahap rendah, sederhana atau tinggi. Semakin tinggi kefahaman responden tentang ilmu agama maka semakin rendah peluang untuk amalan dan kepercayaan khurafat diamalkan di dalam masyarakat Melayu Melaka. Akhirnya kemungkinan besar amalan dan kepercayaan khurafat terhadap uri bayi akan luput terus ditelan zaman. Ini kerana semakin berpengetahuan masyarakat tentang amalan dan kepercayaan khurafat terhadap uri bayi membawa kepada kerosakan akidah, maka semakin ramai akan berusaha untuk meninggalkannya.

5.0 Dapatan Kajian

Jadual 1 Distribusi umum responden berdasarkan kriteria

Kriteria Responden	N	Peratusan (%)
Umur		
20 – 29 tahun	3	6.7
30 – 39 tahun	8	17.8
40 – 49 tahun	10	22.2
50 – 59 tahun	6	13.3
60 tahun ke atas	18	40.0
Jumlah	45	100
Pendidikan		
Sekolah Rendah	25	55.6
Sekolah Menengah	6	13.3
SPM	11	24.4
Diploma	3	6.7
Jumlah	45	100
Bilangan Anak		
1 Orang Anak	7	15.5
2 Orang Anak	12	26.7
3 Orang Anak	5	11.1
4 Orang Anak	3	6.7
5 Orang Anak	8	17.8
6 Orang Anak dan Lebih	10	22.2
Jumlah	45	100

Berdasarkan jadual 1, menunjukkan bahawa sebahagian besar responden iaitu (40%) mewakili 18 orang responden adalah terdiri daripada umur 60 tahun dan ke atas. Majoriti responden adalah terdiri daripada warga emas. Jumlah responden yang terendah adalah daripada usia 20 sehingga 29 tahun yang terdiri daripada 3 orang wanita yang pernah bersalin dengan peratusan sebanyak 6.7%. Data ini sedikit sebanyak menerangkan bahawa responden terdiri daripada pelbagai tahap pengetahuan dan pengalaman hidup. Justeru itu, pengkaji melihat bahawa kebanyakan responden hidup di dalam zaman yang masih belum terdedah dengan ilmu dan info berkaitan khurafat terhadap uri bayi. Ini kerana fatwa berkaitan garis panduan mengenai khurafat dan azimat yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Melaka adalah pada tahun 2012, manakala fatwa berkaitan uri bayi masih belum pernah dikeluarkan lagi oleh mana-mana Jabatan Mufti di Malaysia sehingga sekarang.

Taraf pendidikan tertinggi yang teramai dalam kalangan responden adalah dari golongan yang mendapat pendidikan hanya sekadar sekolah rendah iaitu seramai 25 orang mewakili 55.6% manakala taraf pendidikan tertinggi yang paling sedikit dalam kalangan responden adalah seramai 3 orang sahaja membawa kepada 6.7% mewakili responden yang mempunyai diploma daripada pelbagai bidang yang diceburi. Data ini juga turut menerangkan bahawa amalan khurafat terhadap uri bayi masih diamalkan oleh responden yang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi. Walaupun peratusannya sangat rendah, namun amalan khurafat masih boleh menyerap masuk ke dalam minda masyarakat Melayu yang berpengetahuan.

Responden yang pernah melahirkan anak seramai 2 orang membawa kepada jumlah peratusan tertinggi iaitu 26.7% mewakili 12 orang responden. Jumlah kedua tertinggi adalah daripada kalangan responden yang pernah hamil dan melahirkan anak seramai 6 orang anak dan ke atas iaitu mewakili 22.2% yang berjumlah seramai 10 orang responden. Berdasarkan kepada jumlah ini, jangkakan awal pengkaji mendapati bahawa amalan khurafat terhadap bayi masih banyak dilakukan dan berulang kali berdasarkan kepada jumlah wanita yang pernah bersalin lebih daripada sekali.

Rumusan awal mendapati kebarangkalian wanita bersalin melakukan amalan khurafat lebih daripada sekali adalah sangat tinggi. Peratusan terendah adalah sebanyak 6.7% iaitu mewakili 3 orang wanita yang pernah hamil dan melahirkan anak seramai 4 orang. Tidak terkecuali, golongan peratusan terendah ini juga (walaupun hanya 3 orang responden), pernah melakukan amalan khurafat lebih daripada sekali semasa proses kelahiran bayi. Justeru itu, hasil dapatan kajian pengkaji adalah sangat relevan untuk dibahaskan dan dibincangkan kerana terdapat amalan khurafat terhadap uri bayi yang masih diamalkan di Melaka Tengah, Melaka daripada pelbagai lapisan generasi wanita yang pernah bersalin seawal 20 tahun sehingga kepada warga emas dan ke atas.

Kajian juga dapat membuktikan bahawa golongan yang berpendidikan tinggi masih lagi mengamalkan amalan khurafat terhadap uri bayi selain daripada golongan yang berpendidikan rendah. Jumlah anak yang dikandung dan dilahirkan juga menunjukkan bahawa ibu hamil melakukan khurafat secara berterusan dan lebih daripada sekali selepas kelahiran bayi.

Bil.	Perkara	Pernah Melakukan	Peratusan	Tidak Pernah Melakukan	Peratusan
------	---------	------------------	-----------	------------------------	-----------

1.	Membasuh uri (plasenta) dengan limau nipis, garam kasar, asam keping dan asam jawa beserta jampi	45	100	0	0
2.	Meletakkan uri ke dalam tempurung kelapa bagi mengelakkan gangguan makhluk halus	29	64	16	36
3.	Menanam uri dengan kain putih/ kuning, lada hitam, paku, pen, buku, pensel dan sebagainya agar bayi kelak pandai belajar	29	64	16	36
4.	Uri bayi lelaki ditanam dianjung rumah bertujuan akan sentiasa balik rumah	19	42	26	58
5.	Menanam uri bayi perempuan dibahagian berhampiran dapur rumah bertujuan supaya bayi akan pandai memasak kelak	16	36	29	64
6.	Menyalakan api ditempat penanaman uri bagi mengelakkan bayi kembung perut	39	87	6	13

Jadual 2 Distribusi amalan khurafat terhadap uri bayi

5.1 Amalan khurafat berkaitan uri bayi

Berdasarkan kepada jadual 1.1 di atas, pengkaji mendapati bahawa terdapat 6 amalan khurafat terhadap uri bayi yang masih diamalkan di Melaka Tengah, Melaka. Hasil daripada kajian ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat 1 amalan khurafat terhadap uri bayi tertinggi yang pernah dilakukan oleh kesemua responden iaitu membasuh uri (plasenta) dengan limau nipis, garam kasar, asam keping dan asam jawa beserta jampi. Pengkaji merasakan bahawa amalan membasuh uri bayi tersebut didapati dilakukan oleh semua responden dengan cara yang sama kerana mendapat tunjuk ajar dan petua daripada orang terdahulu lebih-lebih lagi nasihat daripada bidan kampung atau bomoh. Justeru itu, semua ibu bersalin melakukan ajaran yang sama walaupun tidak terdapat bukti yang kukuh dari sudut agama dan juga ilmu kesihatan. Berpandukan kepada maklumat terperinci ini, pengkaji dapat membuktikan bahawa terdapat responden yang

melakukan amalan khurafat terhadap bayi lebih daripada satu amalan sahaja. Justeru itu, peratusan responden melakukan amalan khurafat terhadap uri bayi melebihi daripada satu amalan sahaja ialah sebanyak 66%.

Amalan khurafat kedua tertinggi terhadap uri bayi ialah menyalakan api ditempat penanaman uri bagi mengelakkan bayi kembang perut. Sudah jelas bahawa uri bayi sudah tidak ada apa-apa lagi fungsi dan hubungan dengan bayi selepas keluar daripada rahim ibu. Namun masyarakat Melayu Melaka merasakan bahawa uri bayi yang baru lahir masih lagi mempunyai hubungan dengan bayi walaupun uri bayi tersebut telah ditanam di dalam tanah. Ini adalah kepercayaan khurafat yang boleh merosakkan akidah.

Amalan khurafat terhadap uri bayi yang terendah dilakukan dalam kalangan responden ialah menanam uri bayi perempuan dibahagian berhampiran dapur rumah bertujuan supaya bayi akan pandai memasak kelak. Hasil dapatan menunjukkan bahawa 16 orang iaitu mewakili 36% pernah melakukan amalan tersebut. Dari sudut logik akal, uri bukanlah perantara atau pun pusat maklumat yang dapat menghubungkan bayi dengan tempat penanaman uri selepas daripada ditanam di dalam tanah.

Pengkaji mendapati bahawa kesemua responden (45 orang wanita) melakukan amalan khurafat terhadap bayi adalah kerana pengaruh dan budaya masyarakat setempat yang menerima sesuatu amalan khurafat untuk dijadikan sebagai petua. Menjadi tradisi masyarakat Melayu meniru sesuatu perbuatan tanpa berlandaskan dalil kerana sangat berpegang teguh dengan pesanan orang tua-tua. Keenam-enam petua di atas masih diamalkan dalam kalangan masyarakat Melayu Melaka sehingga kini.

Pandangan ulama tentang uri ialah sekiranya uri tersebut terpisah daripada bayi dalam keadaan bayi masih hidup maka hukumnya adalah suci, manakala sekiranya uri terpisah daripada bayi dan bayi itu meninggal maka hukumnya menjadi najis. Walaupun dalam kajian ini tidak merekodkan bayi yang hidup dan mati, namun semua uri disempurnakan dengan amalan yang sama.

Setelah diteliti dengan mendalam oleh pengkaji, amalan dan kepercayaan yang dilakukan oleh responden di atas adalah termasuk di dalam kepercayaan ritual agama Hindu dan Animisme. Ini kerana pengaruh dan ajaran ini telah meresap masuk ke dalam masyarakat Melayu lebih dahulu daripada ajaran Islam. Justeru itu, tidak hairanlah sekiranya amalan dan kepercayaan khurafat berkaitan uri bayi ini masih lagi diamalkan pada masa kini kerana suntikan warisan petua telah lama bertapak di dalam diri dan sanubari masyarakat Melayu. Rasulullah SAW telah bersabda:

مَنْ تَشَبَهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ

Maksudnya: *“Barangsiapa yang menyerupai (meniru amalan) sesuatu kaum, maka dia adalah daripada kalangan mereka.”* Riwayat Imam Abu Daud, hadis no 4031

Hadis di atas dengan jelas menerangkan bahawa mengamalkan satu amalan atau satu kepercayaan selain daripada apa yang telah diajarkan di dalam Islam dan ianya bersangkutan dengan akidah tidak boleh diambil dan hukumnya haram di dalam Islam. Ini kerana, Islam tidak berkompromi dengan ajaran lain. Islam menjadikan pengikutnya patuh dan tunduk kepada Allah SWT dan menjauhi tipu daya syaitan yang senantiasa berusaha merosakkan akidah dan menyesatkan manusia supaya mensyirikkan Allah. Begitu jelas firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah ayat 208:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَافَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ ۚ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah ke dalam Islam secara keseluruhannya, dan janganlah kamu ikuti langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya, dia adalah musuh yang nyata bagimu.”

Berdasarkan kepada ayat, pengarang menjangkakan terdapat 3 gambaran yang boleh dibuat di dalam kajian ini:

Pertama, berlandaskan syariat Islam secara total. Ianya merujuk kepada responden perlu meninggalkan segala petua, pantang larang dan adat resam masyarakat Melayu yang tidak bersumberkan daripada ajaran agama Islam. Jalan ini adalah yang paling selamat kerana membuang segala fikrah dan dakyah silam yang salah di dalam kehidupan masyarakat Melayu. Contohnya, menanam uri bayi tanpa sebarang iktikad tertentu yang diada-adakan atau pegangan tertentu selain Allah SWT.

Kedua, percampuran antara adat dan syariat Islam namun tidak bertentangan dengan neraca syarak. Adat masih boleh lagi diamalkan, namun tidak semuanya berlandaskan syariat. Contohnya, menanam uri bayi dengan kain putih adalah disebabkan meniru kain kafan yang dipakaikan pada mayat. Syariat Islam menanam mayat menggunakan kain kafan. Justeru itu, adat seperti ini tidak bercanggah dengan syarak.

Ketiga, adat yang ditolak kerana bercanggah dengan syarak. Meletakkan pelbagai kepercayaan yang tersirat di dalam setiap amalan yang dilakukan. Umpamanya, uri bayi mempunyai hubungan dengan bayi setelah ditanam. Justeru itu, penanaman uri bayi perlulah dijaga dengan tertib dan adab serta aturan tertentu supaya nasib bayi kelak akan lebih cerah dan baik serta selamat daripada gangguan jin dan syaitan.

Secara keseluruhannya, perbincangan di dalam objektif satu telah tercapai. Pengkaji telah membuktikan dalil daripada al-Quran dan Hadis Nabi Muhammad SAW bahawa keenam-enam amalan dan kepercayaan berkaitan uri bayi yang telah diamalkan oleh wanita bersalin dalam kalangan masyarakat Melayu adalah termasuk di dalam perkara khurafat.

5.2 Tahap kefahaman tentang khurafat berkaitan uri bayi

Sekiranya responden melakukan 6 amalan khurafat berkaitan uri bayi secara keseluruhan, maka jumlah yang akan didapati berdasarkan kepada jadual 1.1 ialah sebanyak 270 kali, pengkaji mendapati bahawa terdapat 177 kali amalan khurafat berkaitan uri bayi telah dilakukan oleh responden (45 orang) yang terdiri daripada wanita yang pernah hamil dan bersalin dalam kalangan masyarakat Melayu. Jumlah ini membawa peratusan sebanyak 66%. Selebihnya, iaitu sebanyak 34% mewakili 93 kali adalah jumlah amalan khurafat yang tidak pernah diamalkan.

Justeru itu, pengkaji melihat bahawa terdapat jurang yang besar sebanyak 66%. Sekiranya pengkaji memberi nisbah kepada peratusan dengan cara 1:3 dengan kadar tahap kefahaman (rendah, sederhana dan tinggi), pengkaji mendapati bahawa peratusan yang diperlukan untuk mencapai tahap rendah adalah 33.3% kebawah. Kadar tahap peratusan sederhana terletak pada nilai 33.4% ke atas sehingga 66.6% manakala tahap peratusan tinggi pula ialah pada nilai 66.7% sehingga 100%. Jumlah peratusan 66% berada pada tahap sederhana. Dengan kaedah pengiraan berdasarkan kepada

peratusan dan nisbah ini, pengkaji telah membuktikan bahawa tahap kefahaman responden tentang amalan khurafat berkaitan uri bayi dalam kalangan wanita hamil dan bersalin di sebuah kampung dalam kawasan Melaka Tengah, Melaka berada pada tahap sederhana.

Justifikasi pengkaji telah membuktikan bahawa tahap kefahaman yang sederhana dalam kalangan masyarakat Melayu (wanita hamil dan bersalin) berkaitan amalan khurafat tentang uri bayi menjadikan amalan dan kepercayaan khurafat ini masih lagi dilakukan dalam kalangan responden.

6.0 Kesimpulan

Setiap perbuatan anak Adam di dunia ini akan dihitung semua dihadapan Allah SWT. Tidak ada suatu pun yang terlepas termasuk para Nabi dan Rasul. Justeru itu, panduan yang telah diberikan oleh Allah SWT berupa kitab al-Quran dan juga Hadis Nabi Muhammad SAW perlulah dipegang erat. Firman Allah SWT di dalam surah al-Hasyr ayat 59:

وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا

Maksudnya: “Dan apa jua yang diberikan oleh Rasulullah S.A.W kepada kamu, maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarang-Nya untuk kamu lakukan maka patuhilah larangan-Nya.”

Sabda Rasullullah SAW:

تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ مَا لَنْ تَضِلُّ بَعْدَهُ إِنْ عْتَصَمْتُمْ بِهِ كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ رَسُولِهِ

Sahih Muslim, Hadis no 2137

Maksudnya: “Sesungguhnya aku telah meninggalkan pada kamu dua perkara yang jika kamu berpegang teguh dengan keduanya kamu sekalian tidak akan sesat (iaitu) Kitab Allah dan Sunah Rasul-Nya.”

Bersandarkan kepada dua dalil di atas, maka jelas menunjukkan bahawa perbuatan selain daripada apa yang dianjurkan oleh Islam akan tertolak sekiranya melibatkan sesuatu pegangan akidah dan iktikad atau meniru upacara ritual agama lain. Justeru itu, pengkaji merasakan bahawa amalan khurafat berkaitan uri bayi yang dilakukan oleh responden tidak terdapat di dalam al-Quran, Sunnah Nabi Muhammad SAW, Ijmak Ulama dan Kias yang menyokong perbuatan tersebut. Ianya tidak lain hanyalah beberapa pedoman dan pengetahuan yang dcedok daripada agama lain dan dijadikan petua serta dianggap sunnah oleh sebahagian masyarakat Melayu. Firman Allah SWT di dalam surah al-Maidah ayat 3:

هَ الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

Maksudnya: “Pada hari ini telah Aku sempurnakan agamamu untukmu, dan telah Aku sempurnakan nikmat-Ku bagimu, dan telah Aku redhakan Islam sebagai agamamu.”

Pengkaji sekali lagi ini menegaskan bahawa amalan khurafat tidak menjamin apa-apa keuntungan bahkan ianya membawa kemurkaan kepada Allah SWT. Berterusan melakukan amalan khurafat berkaitan uri bayi boleh membawa kepada kesesatan dan menjadikan seseorang itu masuk ke dalam neraka sekiranya tidak bertaubat selagi mana masih hidup di dunia. Justeru itu, pengkaji menjelaskan bahawa amalan khurafat terhadap uri bayi perlulah ditinggalkan dan dijauhi.

Rujukan

- al-Quran Tafsir Bil Hadis Multazam, Hussamuddin Yaacub, (2016), Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Damit, S. A., & Mokhtar, R. A. M. (2018). Norma Dan Adat Kelahiran Masyarakat Kedayan Di Sipitang, Sabah. *Journal of Sultan Alauddin Sulaiman Shah (JSASS)*.
- Kamaruddin, N. K., Ramli, M. A., & Wahab, R. A. (2018). Polemik amalan lotus birth dari perspektif hukum islam: the polemic of lotus birth practice from islamic law perspective. *Jurnal Fiqh*, 15, 1-40.
- Mahfudz, N. B., & Porodong, P. Ritual-Ritual Kelahiran Etnik Banjar di Tawau, Sabah. *PROCEEDINGS ICOSH-UKM 2017*, 1003.
- Mustapa, H. H. (2022). Adat Istiadat Sunda. Penerbit Alumni.
- Ramli, M. A., Kamaruddin, N. K., & Abdul Wahab, R. (2019). Amalan Pengurusan Uri (Plasenta) Pasca Kelahiran Dalam Masyarakat Melayu Menurut Perspektif Hukum Islam. *Journal of Fatwa Management and Research*.
- Saleh, R. R. B. H. M. Garis Panduan Hukum Mengenai Khurafat dan Azimat. Melaka: Jabatan Mufti Negeri Melaka.
- Sintang, S. (2005). Adat masyarakat Bugis di Daerah Tawau, Sabah. *Jurnal KINABALU*, Bil, 11, 205-230.
- Warta Kerajaan, Government Of Malacca Gazette, Jil 59, No.118, [JMM/BFB(S)/351/255/01/17; PUNM. 700-02/37 Jilid 3] yang bertarikh 26 Februari 2015 di ambil dari laman sesawang rasmi Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Melaka pada September 2015.
- Yunos, Y. (2015). Petua dan Tanda Sebagai Alat Komunikasi Dalam Budaya Masyarakat Jawa. *Malaysian Journal of Communication*. Jilid, 31, 279-298.